

22/02/1998

Dr M terajui dialog kemelut ekonomi

KUALA LUMPUR: Lebih 300 pemimpin pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan peringkat nasional diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyertai "Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan 1998" (NSPD) bagi menangani kemelut ekonomi negara.

Dialog yang julung kali diadakan pada peringkat kebangsaan itu, akan diadakan pada 2 dan 3 Mac depan dengan tema "Pemulihan Ekonomi Menerusi Perkongsian Bestari".

Dialog anjuran Kumpulan Kerajaan-Industri Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (Might) itu akan dibahagi kepada empat sesi utama.

Perdana Menteri yang juga Penaung Might dijadual menyampaikan ucapan utama bertajuk "Pendekatan Perkongsian Bestari Kebangsaan Menuju Pembangunan Sejak Kemerdekaan", manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan merumuskan persidangan itu dengan menyampaikan ucapan bertajuk "Kembali Semula Ke Landasan 2020 Menerusi Perkongsian Bestari".

Pengerusi Bersama Might, Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman, berkata NSPD dianjurkan berikutan kejayaan beberapa siri dialog seumpama itu seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1995-1997, Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) 1997 dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID) 1997.

"Justeru, dialog peringkat kebangsaan ini diadakan bagi menyebarkan kefahaman mengenai konsep perkongsian bestari di kalangan pelbagai lapisan rakyat di negara ini bagi menarik minat masyarakat untuk turut memberi sumbangan.

"Oleh kerana, keadaan ekonomi yang akan perlahan berikutan krisis ekonomi dan kewangan, tema "Pemulihan Ekonomi Menerusi Perkongsian Bestari" telah dipilih," katanya dalam sidang media di Jabatan Perdana Menteri, semalam.

Pada hari pertama, Dr Mahathir menjadi moderator sesi pertama bertajuk "Mengukuhkan Ketahanan Nasional Menerusi Perkongsian Bestari - Peranan Sektor Swasta, Tenaga Kerja dan Kerajaan", manakala Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menjadi moderator sesi kedua bertajuk "Menangani Isu Utama - Perkongsian Bestari Di Kalangan Aktor Domestik, Serantau dan Sejagat".

Pada hari terakhir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, menjadi moderator sesi ketiga bertajuk "Strategi Bagi Pemulihan Menerusi Perkongsian - Kestabilan Ekonomi, Industri dan Harga", manakala Anwar mempengerusikan sesi terakhir bertajuk "Strategi Bagi Pemulihan - Sumber Manusia, Nilai dan Teknologi".

Dr Omar berkata, dialog itu juga membolehkan pemimpin pelbagai organisasi mencari pendekatan bersepadu menyelesaikan masalah yang timbul, antaranya mengubah tanggapan masyarakat antarabangsa mengenai keadaan ekonomi kita berbanding negara jiran.

"Malah, ada rakyat tempatan juga yang beranggapan sistem bank kita sama dengan sistem yang diamalkan di negara jiran.

(END)